

11.7.2019

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **HANYA 16% DARI ULU MUDA DIWARTAKAN SEBAGAI “HUTAN TADAHAN AIR”**

- **Kedah mewartakan 106,418 hektar hutan hujan di Ulu Muda sebagai “Hutan Simpanan Kekal” pada Mei 2018.**
- **Walau bagaimanapun, hanya 17,025 hektar telah diwartakan sebagai “Hutan Tadahan Air”.**

PULAU PINANG, Khamis, 11.7.2019: Hanya 16% daripada 106,418 hektar “Hutan Simpanan Kekal” di Ulu Muda, Kedah, telah diwartakan sebagai “Hutan Tadahan Air”.

Pada 1.7.2019, YAB Tuan Chow Kon Yeow (yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Tanjong) menimbulkan persoalan di Parlimen berhubung status usaha untuk mewartakan Ulu Muda, berikutan pengumuman awal bahawa Kedah telah mengharamkan pembalakan di hutan hujannya.

Menurut jawapan dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), 106,418 hektar (ha) hutan hujan di Ulu Muda telah diwartakan sebagai “Hutan Simpanan Kekal” oleh pihak berkuasa negeri Kedah, di bawah Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 (APN)\*.

Warta ini telah dijalankan melalui Warta Negeri Kedah 341, bertarikh 10.5.2018.

KATS juga menyatakan bahawa 17,025 ha. (16%) dari Ulu Muda telah diwartakan sebagai “Hutan Tadahan Air” di bawah Seksyen 10(1) APN.

Pada 4.9.2018 dan 5.9.2018, KATS dipetik oleh media massa memberi ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana mengharamkan aktiviti pembalakan di Ulu Muda.

Walau bagaimanapun, Jawapan Parlimen 1.7.2019 ini menunjukkan bahawa **84% daripada hutan hujan di Ulu Muda TIDAK dilindungi sebagai kawasan tadahan air** untuk manfaat 4.2 juta penduduk di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

APN ada keizinan bagi “pengeluaran kayu”

Sila ambil perhatian bahawa APN ada kebenaran untuk pengeluaran kayu. Seksyen 10(1) menyatakan bahawa:

“Pengarah (Perhutanan Negeri), dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengelaskan tiap-tiap hutan simpanan kekal di bawah satu atau lebih pengelasan yang berikut yang mana hendaklah menggambarkan maksud atau maksud-maksud yang tanah itu sedang digunakan atau dicadang hendak digunakan:

- (a) hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan;
- (b) hutan perlindungan tanah;
- (c) hutan tebus-guna tanah;
- (d) hutan kawalan banjir;
- (e) hutan tadahan air;
- (f) hutan perlindungan hidupan liar;
- (g) hutan simpanan hutan dara;
- (h) hutan lipur;
- (i) hutan pelajaran;
- (j) hutan penyelidikan;
- (k) hutan bagi maksud-maksud persekutuan.”

Apakah klasifikasi untuk baki 84%?

PBAPP ingin menimbulkan soalan utama berikut:

1. Mengapa Kedah hanya mengklasifikasikan 16% atau 17,025 ha. daripada “Hutan Simpan Kekal” Ulu Muda sebagai “Hutan Tadahan Air” di bawah APN?

2. Apakah klasifikasi APN untuk baki 84% daripada “Hutan Simpan Tetap” di Ulu Muda yang luasnya 89,393 ha.?(106,418 ha – 17,025 ha = 89,393 ha.)
3. Adakah Kedah telah mengklasifikasikan sebarang kawasan di Ulu Muda sebagai “Hutan Pengeluaran Kayu” di bawah APN? Jika ya, bagaimanakah Kedah “mengharamkan pembalakan” di Ulu Muda?
4. Menurut catatan *online* oleh Friends of Ulu Muda II\*\* dan WWF-Malaysia\*\*\*, “Hutan Ulu Muda” meliputi kawasan seluas kira-kira 160,000 ha. Menurut KATS, Kedah telahewartakan 106,418 ha. dari Ulu Muda sebagai “Hutan Simpan Kekal”, pada 1.7.2019.

Apakah status 53.582 ha yang lain?  
(160,000 ha. – 106,418 ha. = 53,582 ha.)

#### Klasifikasi Ulu Muda sebagai “hutan untuk tujuan persekutuan”

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sangat bergantung kepada Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air serantau.

Tidak ada keraguan bahawa sebarang “pengeluaran kayu” di Ulu Muda akan menjejaskan perkhidmatan bekalan air, bukan sahaja di Kedah, tetapi di tiga negeri di Malaysia.

Pendedahan parlimen pada 1.7.2019 menekankan betapa pentingnya menentukan status Ulu Muda dan melindunginya dengan berkesan, dengan pertimbangan-pertimbangan berikut:

- Ulu Muda adalah “Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara”, dan bukan sekadar “Hutan Simpan Kekal” di Kedah.
- Pemuliharaan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air serantau harus diberi keutamaan **sebagai isu pengurusan air mentah yang kritikal, dan bukannya isu perhutanan.**
- Status Ulu Muda mempunyai kaitan langsung kepada kelestarian bekalan air untuk tiga negeri. Oleh itu, Ulu Muda mesti dianggap sebagai “aset negara” yang memerlukan penjagaan dan perlindungan oleh Kerajaan Persekutuan.

- Hutan hujan di Ulu Muda harus diklasifikasikan sebagai “Hutan untuk Tujuan Persekutuan” di bawah Seksyen 10(1) APN. Kerajaan Persekutuan hendaklah memastikan Ulu Muda tidak dimusnahkan.
- Untuk memulihara Ulu Muda secara sah, secara fizikal dan selama-lamanya, Kerajaan Persekutuan mesti membayar pampasan seadilnya kepada Kedah.
- Ulu Muda mesti dipulihara dengan betul, sepenuhnya, dengan segera, bukan sahaja untuk burung-burung dan pokok-pokok, tetapi untuk kesejahteraan 4.2 juta rakyat Malaysia, anak-anak dan cucu-cicit mereka.

Terima kasih.

\* [https://www.forestry.gov.my/images/JPSM/wargaperhutanan/AktaAPN\\_en.pdf](https://www.forestry.gov.my/images/JPSM/wargaperhutanan/AktaAPN_en.pdf)

\*\* <http://www.mengo.org/resources/articles/16-joint-statement-by-the-friends-of-ulu-muda-ii-on-the-proposed-logging-at-ulu-muda>

\*\*\* [http://www.wwf.org.my/about\\_wwf/what\\_we\\_do/forests\\_main/forest\\_protect/protect\\_projects/ulu\\_muda/](http://www.wwf.org.my/about_wwf/what_we_do/forests_main/forest_protect/protect_projects/ulu_muda/)

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)